

## UMP dan Swansea University Metrai Kerjasama dengan ECERDC Bangunkan Program Penyelidikan



Putrajaya, 13 Ogos- Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan sebuah institusi pendidikan awam yang terkenal dengan penyelidikan, Swansea University United Kingdom menjalinkan kerjasama dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bagi membangunkan program penyelidikan dan akademik termasuk pemindahan ilmu serta pembangunan produk. Program turut membabitkan dua lagi universiti awam iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu (UniSZA) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Kerjasama ini dijangka akan dapat memanfaatkan program kerjasama penyelidikan, pertukaran staf serta memfokuskan bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, komunikasi, teknologi, tenaga boleh diperbaharui serta biosains.

Dalam majlis ini menyaksikan pertukaran dokumen antara UMP yang diwakili Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dengan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan ECER (ECERDC) Datuk Seri Jebasingam Issace John. Hadir menyaksikan peristiwa penting ini Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Pengerusi ECERDC dalam majlis yang berlangsung di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.



Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, kerjasama ini juga memberi kepercayaan kepada universiti untuk meneruskan usaha universiti dalam melaksanakan Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan Empower ECER di lokasi yang baharu iaitu di daerah Bera.

"Program yang dilaksanakan ECER dan UMP ini diterjemahkan melalui program khidmat komuniti (CSR) yang menjadi medan interaksi di antara warga UMP dengan masyarakat melibatkan beberapa projek yang diusahakan bersama rakan strategik, UMP Advanced Education (UAE)," katanya.



Tambah beliau, Program Pembangunan Akademik yang turut dilaksanakan ini mampu mentransformasi aras pencapaian sosio-ekonomi dan taraf hidup kumpulan sasaran yang terlibat dalam jangka masa panjang. Melalui program ini ianya dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian akademik pelajar serta menyuntik semangat peserta latihan terutamanya dalam kalangan belia untuk membina kehidupan lebih maju.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Ketua Timbalan Pendaftar, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Datin Fazia Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohamad Rozi Hassan.

***Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.***

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 25-08-2015, 16:26:05